

‘Tempat cukup bagi lepasan SPM ke matrikulasi, program asasi’

Zambry sangkal dakwaan kuota Bumiputera dikurangkan

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memastikan semua lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 yang memperoleh keputusan 10A ke atas, namun tidak mendapat tempat di matrikulasi atau program asasi universiti awam (UA), ditawarkan tempat sewajarnya.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata KPT dan Kementerian Pendidikan (KPM) akan bekerjasama mengenal pasti kumpulan pelajar terbabit.

“Mungkin mereka tidak mendapat tempat di matrikulasi tetapi mereka boleh dapat program asasi di universiti awam (UA). Saya fikir sekarang ialah tempoh untuk penyesuaian, sama ada mereka dapat kedua-duanya atau biasiswa. Mereka perlu memilih satu.

“Kami percaya tidak mempu-

nyai banyak isu untuk memudahkan pelajar dengan 10A ke atas kerana tempat di universiti di bawah program asasi serta matrikulasi mencukupi untuk menampung bilangan mereka,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Concorde Club, di sini semalam.

Concorde Club ialah perjuppaan tidak rasmi editor dan wartawan kanan dengan ahli politik dan penggubal utama dasar.

Keputusan permohonan Program Matrikulasi KPM dan Program Asasi UA di bawah KPT bagi lepasan SPM 2023 sudah diumumkan pada 20 dan 28 Jun lalu.

Selain itu, Zambry berkata, mereka yang meraih keputusan 10A ke atas atau semua A, namun tidak mendapat tempat dalam kedua-dua program berkenaan, boleh mengemukakan rayuan.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan semua lepasan SPM yang mendapat keputusan 10A ke atas, tanpa mengira kaum dan wilayah akan ditawarkan peluang melanjutkan pengajian pada peringkat matrikulasi.

Keputusan itu dipersetujui Jamaah Menteri pada mesyuarat Jumaat lalu.



Zambry ketika mesyuarat Concorde Club di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

Zambry berkata, langkah itu sebahagian usaha kerajaan untuk memastikan peluang saksama dan mengiktiraf pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelajaran serta mengingatkan semua pihak agar tidak menjadikan keputusan itu sebagai bahan politik.

“Kuota Bumiputera tidak tergugat, tetapi dalam masa sama jumlah yang dapat 10A ke atas akan diberikan pada semua dan memang kita boleh bagi pada semua. Jadi, tidak timbul isu kuota Bumiputera dikurangkan,” katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri turut memberikan jaminan ker-

ajaan mengekalkan kuota Bumiputera untuk lulusan SPM bagi melanjutkan pengajian ke peringkat matrikulasi, kerana ia sudah termaktub mengikut Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan yang membabitkan keduakan istimewa orang Melayu serta kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Jaminan kerajaan

Anwar dilaporkan berkata, walaupun keputusan itu memberikan pengiktirafan pada kecemerlangan tanpa mengira kaum dan latar belakang, namun kerajaan tegas mempertahankan kuota Bumiputera.

Sementara itu, jaminan kerajaan memberi peluang kepada pelajar cemerlang memasuki program matrikulasi tanpa mengira kaum dan latar belakang itu disifatkan langkah perlu dalam usaha memperkasakan sektor pendidikan negara, sekali gus mengiktiraf pencapaian cemerlang anak Malaysia.

Timbalan Pendaftar Universiti Putra Malaysia Noor (UPM), Mohamad Shakil Hameed, berkata keputusan kerajaan itu dilihat membuka peluang kepada semua pelajar tanpa mengira kaum memperoleh peluang seimbang bagi melanjutkan pengajian.

Beliau berkata, berikutnya pertambahan bilangan pelajar cemerlang, keputusan itu juga dapat mengurangkan kebimbangan ibu bapa mengenai masa depan anak mereka yang ingin menjalankan kaki ke menara gading.

“Apa yang penting kerajaan tidak sama sekali berkompromi dalam soal kedudukan dan peluang orang Melayu apabila kuota Bumiputera terus dikekalkan dan dipertahankan. Maka, tidak timbul polemik keputusan seperti ini menggugat peluang pelajar Melayu untuk terus menyambung pengajian ke Matrikulasi,” katanya.

BERNAMA